WIKIPEDIA

Bahasa Norway

Bahasa Norway (*norsk*) merupakan satu Bahasa Jermanik Utara yang dituturkan di Norway, di mana bahasa ini merupakan bahasa rasmi. Bahasa Norway sebuah kontinum loghat variasi tempatan bahasa-bahasa yang saling difahami, dengan Bahasa Sweden dan Bahasa Denmark. Bahasa-bahasa Scandinavia ini bersama dengan Bahasa Faroe, Bahasa Iceland, dan juga sesetengah bahasa yang pupus, membentukkan kumpulan bahasa-bahasa Jermanik Utara (juga dikenali sebagai bahasa-bahasa Scandinavia). Bahasa Faroe dan Bahasa Iceland tidak lagi bersefahaman dengan Bahasa Norway dari segi lisan, kerana bahasa-bahasa Scandinavia telah berpisah dengan kedua-dua bahasa ini.

Seperti dalam undang-undang dan dasar kerajaan, terdapat dua bentuk tulisan rasmi Bahasa Norway — ***Bokmål*** (secara harfiah "bahasa buku") dan ***Nynorsk*** (secara harfiah "Bahasa Norway baru").

Dari abad ke-16 hingga abad ke-19, Bahasa Denmark merupakan bahasa tulisan rasmi untuk Norway. Akibatnya, perkembangan Bahasa Norway tulisan moden menjadi perkara kontroversi kuat yang berkaitan dengan nationalisme. Dalam sejarah, Bokmål merupakan Bahasa Denmark ala Norway, manakala Nynorsk merupakan sebuah bahasa yang berdasarkan loghat Norway dan pembangkangan linguistik kepada Bahasa Denmark. Polisi rasmi yang dimansuhkan kini yang bertujuan untuk menggabungkan Bokmål dan Nynorsk kepada satu bahasa dikenali sebagai *Samnorsk*, telah melalui satu siri reformasi ejaan telah membentuk satu spektrum variasi yang luas untuk Bokmål dan Nynorsk. Bentuk tidak rasmi yang dikenali sebagai *Riksmål* dianggap lebih konservatif daripada Bokmål, dan *Høgnorsk* yang juga tidak rasmi dianggap lebih konservatif daripada Nynorsk.

Orang Norway berpendidikan dalam kedua-dua Bokmål dan Nynorsk. Satu pemungutan suara pada tahun 2005 mendapati bahawa 86.3% menggunakan Bokmål dalam kehidupan harian mereka, 5.5% menggunakan kedua-dua Bokmål dan Nynorsk, manakala 7.5% menggunakan Nynorsk.[4] Oleh itu hanya 13% sering menulis Nynorsk, walaupun kebanyakan daripada mereka menuturi loghat yang lebih mirip Nynorsk daripada Bokmål. Lazimnya, Bokmål dan Riksmål lebih didapati di kawasan urban dan suburban; Nynorsk didapati di kawasan perkampungan,

Bahasa Norway	
norsk	
Asli di	Norway (termasuk Svalbard dan Jan Mayen) dan kemungkinan oleh orang yang lebih tua di penempatan Scandinavia di Amerika Syarikat.[1]
Penutur asli	4.7 juta[2] (*tiada tarikh*)
Keluarga bahasa	Bahasa Indo-Eropah ▪ Jermanik ▪ Bahasa Jermanik Utara ▪ Bahasa Scandinavia Barat[3] ▪ **Bahasa Norway**
Status rasmi	
Bahasa rasmi di	Norway Majlis Nordik
Dikawal oleh	Majlis Bahasa Norway
Kod bahasa	
ISO 639-1	no — Bahasa Norway nb — Bokmål nn — Nynorsk
ISO 639-2	[[ISO639-3:nor — Bahasa Norway nob — Bokmål nno — Nynorsk|nor — Bahasa Norway nob — Bokmål nno — Nynorsk]]
ISO 639-3	Pelbagai: nor (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=nor) — Bahasa Norway nob (http://www.sil.org/iso639-3/documentation.asp?id=nob) — Bokmål nno (http://www.sil.org/iso639-3/

terutamanya di Norway Barat. Korporasi penyiaran Norway (NRK) membuat siaran dalam kedua-dua Bokmål dan Nynorsk, dan semua agensi kerajaan dikehendaki menyokong kedua-dua bahasa tulisan ini. Bokmål digunakan oleh 92% daripada semua publikasi, Nynorsk digunakan oleh 8% (2000).

documentation.asp?id=nno) — Nynorsk

Isi kandungan

Bahasa tulisan

Abjad

Abjad Norway ialah seperti berikut:

A B C D E F G H I J K L M N O P Q R S T U V W X Y Z Æ Ø Å (29 letters)

a b c d e f g h i j k l m n o p q r s t u v w x y z æ ø å

Huruf-huruf *c*, *q*, *w*, *x*, dan *z* hanya digunakan dalam perkataan pinjaman dan sesetengah nama keluarga.

Sesetengah huruf boleh diubah dengan diakritik: *é*, *è*, *ê*, *ó*, *ò*, *â*, dan *ô*. Kadangkala *ì* dan *ù* dan *ỳ* Juga terdapat dalam Nynorsk. Diakritik adalah tidak wajib, tapi kadangkala digunakan untuk membezakan maksud perkataan. Perkataan pinjaman juga boleh dieja dengan diakritik yang lain, terutamanya *ü*, *á*, dan *à*.

Lihat juga

- Perbezaan antara Bahasa Norway dan Bahasa Denmark
- Det Norske Akademi for Sprog og Litteratur
- Noregs Mållag
- Norsk Ordbok
- Riksmålsforbundet
- Russenorsk

Rujukan

1. Kristoffersen, Gjert (2000). *The Phonology of Norwegian* (http://www.oup.com/uk/catalogue/?ci=9780198237655). Oxford University Press. m/s. 1. ISBN 9780198237655.

2. "Statistics Norway" (http://www.ssb.no/english/subjects/02/befolkning_en/). Dicapai pada 2007-09-17.
3. Henriksen, Petter (ed.); Aschehoug og Gyldendals Store norske leksikon, 11 Nar-Pd; Kunnskapsforlaget; Oslo; 1998; ISBN 82-573-0703-3
4. "*Ordet 4/2005 - Bare 7,5 % nynorsk*" (http://www.riksmalsforbundet.no/ordet4-4-05.html). Dicapai pada 2007-02-28.

Bibliografi

- Rolf Theil Endresen, Hanne Gram Simonsen, Andreas Sveen, *Innføring i lingvistikk* (2002), ISBN 82-00-45273-5

Pautan luar

- Collection of Norwegian bilingual dictionaries (http://www.dicts.info/dictlist1.php?l=Norwegian_Bokmal)
- EasyTrans.org (http://www.easytrans.org/no/) Memudahkannya menterjemahkan perkataan dalam bahasa**Inggeris, Norway** dan **Sepanyol**.
- Ethnologue report for Norwegian, bokmål (http://www.ethnologue.com/show_language.asp?code=nob)
- Ethnologue report for Norwegian, nynorsk (http://www.ethnologue.com/show_language.asp?code=nno)
- Norwegian-English Dictionary (http://www.freedict.com/onldict/nor.html)
- Norwegian-English Dictionary (2) (http://www.websters-online-dictionary.org/definition/Norwegian-english/)
- Tritrans: translations between English, Spanish and Norwegian (http://www.tritrans.net)
- Norwegian spelling and punctuation (bokmål) (http://www.korrekturavdelingen.no)
- Norwegian pronunciation guide (with sound clips) (http://norskklassen.ce-service.biz/sounds-g.htm)

Wikipedia ***Bokmål***, ensiklopedia bebas

Wikipedia ***Nynorsk***, ensiklopedia bebas

Norwegian Wikibooks mempunyai maklumat lanjut mengenai:
[[wikibooks:Norwegian/{{{2}}}|{{{2}}}]]

L · B · S (https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Templat:Bahasa_Germanik&action=edit)

Modern Germanic languages

Afrikaans · Alemannic · Danish · Dutch · Elfdalian · English · Faroese · Frisian · German · Icelandic · Jamtish · Gutnish · Limburgish · Low German · Luxembourgish · Norwegian · Scanian · Scots · Swedish